

09/04/2002

Kementerian Kewangan diarah baiki kelemahan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan semua pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan supaya memperbaiki sebarang kelemahan yang wujud dalam kementerian itu.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah itu perlu kerana kelemahan di Kementerian Kewangan boleh memberikan implikasi buruk dan menjejaskan keseluruhan pentadbiran negara.

"Dalam Kementerian Kewangan ini, wujud banyak bahagian yang memainkan peranan amat penting. Sebahagian daripadanya ditugaskan untuk memunggut hasil dan cukai bagi khazanah kerajaan.

"Sebahagian lagi terbabit dengan pengurusan pentadbiran kewangan bagi mentadbirkan wang yang dipunggut. Ini memberi banyak tanggungjawab kepada pegawai dan kakitangan kementerian," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluannya sempena lawatan kerja Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail ke kementerian itu di Jalan Duta dekat sini, hari ini.

Hadir sama dua Timbalan Menteri Kewangan iaitu Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Datuk Chan Kong Choy, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam serta ketua jabatan di bawah kementerian kewangan termasuk Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Datuk Ali Abdul Kadir.

Dr Mahathir bagaimanapun bangga kerana Kementerian Kewangan kini berjaya meningkatkan pungutan hasil yang jauh lebih besar berbanding ketika negara mula mencapai kemerdekaan dulu.

Katanya, keadaan itu sudah tentu menyebabkan pentadbiran kewangan menjadi begitu rumit kerana jentera serta jumlah kakitangan terpaksa diperbesarkan.

"Ini memerlukan kemahiran baru supaya pentadbiran kewangan di negara ini diperkemarkan lagi bagi memudahkan proses rancangan pembangunan negara. Kita mahu pegawai dan kakitangan semakin cekap.

"Maka dengan itu segala masalah yang baru, rancangan (pembangunan) yang baru, dapat ditangani oleh pegawai dan kakitangan," katanya.

Dr Samsudin kemudian menyampaikan taklimat tertutup selama kira-kira 40 minit kepada Yang di-Pertuan Agong sebelum baginda meninjau pameran di situ.

Ketika ditemui kemudian, Samsudin berkata taklimatnya itu berkisar kepada kedudukan kewangan semasa negara dan gambaran mengenai perkembangan ekonomi secara keseluruhan.

Mengenai ucapan Dr Mahathir yang menekankan kepada aspek kecekapan pengurusan pentadbiran dan kewangan negara, beliau berkata kementerian itu sedang meningkatkan kemahiran semua 36,000 kakitangannya di seluruh negara.

"Perdana Menteri memberi penekanan terhadap perlunya kemahiran dalam pelbagai pentadbiran serta teknologi maklumat (IT). Kementerian juga baru menubuhkan bahagian Sumber Manusia.

"Bahagian baru ini akan menganjurkan latihan dan pembangunan kerjaya bukan sahaja untuk kementerian kewangan malah bagi semua kementerian serta agensi kerajaan, sebagai sebahagian langkah untuk mengembangkan pembangunan sumber manusia," katanya.

Mengenai langkah kerajaan mengumumkan pengecualian duti setem untuk semua pembelian hartanah kediaman yang dibuat dalam tempoh 1 Januari lalu hingga 30 Jun ini, beliau berkata, sambutannya amat menggalakkan.

Katanya, ia adalah sebagai insentif kepada pemaju dan pembeli rumah dalam usaha menangani masalah lebih hartanah di pasaran sekarang.

Pengecualian itu diberikan bagi pembelian hartanah daripada pemaju yang berdaftar dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), Persatuan Pemaju Perumahan Sabah (1992) dan Persatuan Pemaju Perumahan Sarawak.

Ketika ini, kadar duti setem bagi suratcara pembelian kediaman ialah satu peratus untuk setiap RM100,000 pertama dan dua peratus untuk RM101,000 hingga RM500,000.

Pembelian kediaman bernilai lebih RM500,000 seunit pula akan dikenakan duti setem pada kadar tiga peratus.

Pengecualian itu dianggar dapat menjimatkan kira-kira RM5,000 bagi setiap pembelian hartanah bernilai RM250,000 dan RM15,000 untuk hartanah bernilai RM500,000.

(END)